



KENYATAAN MEDIA

PERASMIAN HARI PERIKANAN : *ROAD TO HPPNK 2019*

1. Pada hari ini, YB Datuk Seri Salahuddin bin Ayub, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani merasmikan Program Hari Perikanan bersempena dengan *Road To HPPNK 2019* yang akan diadakan pada **28 November – 01 Disember 2019** di **Plaza Angsana, Johor Bahru**.
2. Karnival selama 4 hari tersebut dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dengan kerjasama Exco Pertanian Negeri Johor sebagai tuan rumah dan akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada 28 November 2019. Manakala bagi majlis penutup pula akan dibuat oleh YAB Menteri Besar Johor pada 1 Disember 2019.
3. **“MOA Benteng Makanan Negara”** merupakan tema bagi HPPNK 2019 pada kali ini yang mengetengahkan konsep **Pemodenan Pertanian dan Teknologi**. Ianya dilihat amat bermanfaat dan menjadi salah sebuah elemen kemajuan yang merentas sempadan ekonomi tradisional kepada sebuah bidang konvensional yang lebih berdaya saing dan berkemajuan.
4. Pada kali ini, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) akan mengaplikasikan **konsep segmentasi** sebagai tarikan utama yang dijangka akan menggantit ribuan pengunjung. Kesemua tarikan tersebut merangkumi elemen **Arotechnology, Fun & Education** sesuai untuk semua lapisan umur melalui pameran Ikan Hiasan, Teknologi Akuakultur, Teknologi Perikanan Tangkapan, Inovasi Perikanan, Pengurusan Sumber serta pelbagai program dan aktiviti termasuk industri huluan dan hiliran.
5. YB Datuk Seri Salahuddin bin Ayub menekankan tentang kaedah pendekatan yang digunakan dalam menarik minat golongan muda ke dalam sektor ini menerusi penggunaan **Teknologi Digital & IR 4.0**. Ini adalah seiring dengan kemajuan dan peredaran semasa terutamanya menjelang 2020 yang lebih banyak menjurus ke arah dunia digital.
6. Ini adalah selaras dengan sumbangan sub sektor perikanan sebagai instrumen penting yang menjadi sumber kepada makanan, sumber pendapatan, nutrisi dan kehidupan rakyat. Malaysia telah merekodkan pendaratan sebanyak **1.9 juta tan metrik bernilai RM14 billion**, melalui perikanan tangkapan dan juga akuakultur, yang menyumbang sebanyak **10.5% kepada KDNK negara**.

7. **Negeri Johor dilihat mempunyai kekuatan tersendiri dalam pembangunan Industri Perikanan.** Ini berdasar potensinya sebagai satu-satunya negeri di Malaysia yang mempunyai tiga perairan laut, iaitu Laut China Selatan, Selat Melaka dan Selat Tebrau.
8. Dengan kapasiti Johor yang menghasilkan hampir **65 ribu tan metrik ikan setahun** (40 ribu t.m perikanan tangkapan dan 25 ribu t.m akuakultur) melibatkan hampir 10 ribu orang nelayan dan 700 orang penternak akuakultur, mampu menjadikan Johor sebagai **negeri ke-4** penyumbang kepada pengeluaran perikanan negara.
9. **Daerah Pontian** dikenalpasti telah menyumbang sebanyak **10,300 tan metrik ikan setahun** dengan anggaran nilai sehingga **RM90 juta** kepada negeri Johor. Terdapat sebanyak 1,085 buah vesel Zon A dan 87 buah vesel Zon B. Manakala seramai 2,431 orang nelayan adalah dari Daerah Pontian yang melibatkan 2,170 nelayan Zon A dan 261 nelayan Zon B.
10. Turut hadir sama Perasmian Hari Perikanan: Road to HPPNK 2019 hari ini adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), YBhg. Dato' Salim bin Parlan, Ketua Pengarah Perikanan, YBhg. Dato' Hj. Munir bin Mohd Nawi dan pengurusan tertinggi Kementerian serta Agensi.
11. Antara pengisian sepanjang majlis adalah penyerahan peralatan keselamatan nelayan (PLB) dan jaket keselamatan, penyerahan tool dan sijil penyertaan kursus enjin, penyerahan sijil vivarium dan ikan hiasan beta kepada peserta kursus dan penyerahan tong ikan (coleman). Selain itu juga terdapat pameran yang dianjurkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia, Lembaga Pertubuhan Peladang dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia serta Klinik Perikanan.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

27 Oktober 2019 (Ahad) jam 10.30 pagi

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen)

012-664 9570 (Aqilah)

019-276 2328 (Kasim)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my